SOP BAHARU DEEPAVALI SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

# AKTIVITI DAN PROTOKOL DEEPAVALI DI RUMAH IBADAT (KUIL) DALAM TEMPOH PKPP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Upacara sembahyang | 1. Upacara sembahyang hendaklah mematuhi sepenuhnya **SOP Pembukaan Rumah Ibadat** yang telah dikeluarkan dan tidak melebihi **30 orang pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan ruang Rumah Ibadat (Kuil) dengan penjarakan fizikal.**<br>2. Manisan diagihkan secara **berbungkus (*packing*)** kepada para penganut.<br>3. Terus bersurai dan pulang selepas selesai upacara sembahyang. |
| Kawalan Keselamatan dan Infeksi | 1. Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan dan saringan gejala berkaitan COVID-19 seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas.<br>2. Kehadiran mengggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran.<br>3. Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah tidak digalakkan hadir. |

# AKTIVITI DAN PROTOKOL DEEPAVALI DI RUMAH KEDIAMAN DALAM TEMPOH PKPP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Sambutan Deepavali | **Rumah Kediaman (Landed)**<br><br>Sambutan dalam kalangan keluarga terdekat dan **tidak melebihi 20 orang pada satu-satu masa**<br><br>**Rumah Kediaman (Strata)**<br><br>Sambutan dalam kalangan keluarga terdekat:<br><br>**i. Keluasan kurang daripada 1500kps, tidak melebihi 10 orang**<br>**ii. Keluasan melebihi 2500kps, tidak melebihi 15 orang** |

# AKTIVITI DAN PROTOKOL DEEPAVALI DI RUMAH KEDIAMAN DALAM TEMPOH PKPP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Amalan Penjarakan Fizikal | Ahli Keluarga / Individu:<br><br>1. Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.<br>2. Mengelakkan daripada 3C iaitu bersesak, *(crowded area)*, ruang rapat/tertutup *(confined area)* dan juga perbualan dalam jarak yang dekat *(close conversation)*.<br>3. Elak ziarah warga emas dan individu berpenyakit kronik. |
| Amalan pemakaian pelitup muka | Ahli Keluarga / Individu **DIGALAKKAN** memakai pelitup muka. |
| Sanitasi | 1. Sanitasi secara berkala hendaklah dilakukan terutamanya terhadap meja makan dan permukaan yang terdedah kepada banyak sentuhan. |

# AKTIVITI DAN PROTOKOL DEEPAVALI DI RUMAH KEDIAMAN DALAM TEMPOH PKPP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Amalan pencucian tangan dan penggunaan *hand sanitizer* | Ahli Keluarga / Individu hendaklah:<br><br>1. Menyediakan sabun pencuci tangan atau *hand sanitizer*<br>2. Memastikan semua ahli keluarga / Individu mengutamakan kebersihan diri dan peralatan. |
| Sajian Makanan | Memastikan sajian sentiasa **ditutup, bersih dan tidak tercemar** |

# AKTIVITI DAN PROTOKOL DEEPAVALI DI PREMIS PERNIAGAAN / KEDAI DALAM TEMPOH PKPP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Ekonomi Pra-Perayaan Deepavali | 1. Aktiviti jualan/perniagaan **hanya di premis yang DIBENARKAN oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau mana-mana pihak berkuasa lain sahaja.**<br>2. Aktiviti jualan secara atas talian (*on-line*) adalah **DIGALAKKAN.** |